

Penglibatan Pelajar Secara Aktif dalam Aktiviti Kolej dan Kesan Terhadap Pencapaian Akademik: Suatu Kajian Kes di Kolej Tuanku Canselor (KTC), UTM Skudai

Lee Wee Lim

Pembantu Felo KTC

Universiti Teknologi Malaysia,

81310 Skudai, Johor

Yahya bin Buntat

Pengetua Kolej Tuanku Canselor

Universiti Teknologi Malaysia,

81310 Skudai, Johor

Yahya592002@yahoo.com

Abstrak: Rata-rata ramai yang menganggap bahawa menyertai aktiviti kolej seperti menjadi pemimpin jawatankuasa kolej mahasiswa (JKM), ahli dalam kelab-kelab pelajar, ketua dan ahli jawatankuasa tertinggi dalam sesebuah organisasi, persatuan-persatuan, serta sukan adalah penyumbang utama kepada kemerosotan prestasi akademik pelajar tersebut menyebabkan pelajar mengabaikan pelajaran seterusnya menyebabkan CPA mereka merosot. Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk melihat adakah benar kenyataan tersebut atau sebaliknya. Kajian ini melibatkan empat orang pelajar sebagai responden yang mana sampel dipilih secara sampel bertujuan dan kaedah penyelidikan qualitatif iaitu temubual. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar yang melibatkan diri secara aktif tidak memberi kesan negetif terhadap pencapaian akademik tetapi sebaliknya keputusan mereka lebih meningkat dan cemerlang.

Katakunci: Aktiviti Kolej, Kecemerlangan Akademik.

1.0 Pengenalan

Kecemerlangan akademik adalah matlamat utama pelajar yang menjakkan kaki ke menara gading. Kecemerlangan akademik juga akan menjamin masa depan yang cerah dalam bidang akan bakal diceburi apabila menamatkan pengajian. Kecemerlangan akademik juga menjadi modal insan yang penting kepada pelajar. Walau bagaimanapun, kecemerlangan akademik semata-mata sahaja tidak mencukupi untuk menyaingi cabaran dan menempuh era globalisasi yang memerlukan daya saing dan pemantapan kendiri. Sebelum memasuki masyarakat, mahasiswa harus dilengkapi pelbagai kemahiran selain kecemerlangan akademik. Mereka harus tahu cara untuk memimpin, cara berkomunikasi dengan baik, bersosial dan bergaul dengan masyarakat. Pelajar juga perlu ada ketrampilan diri yang dilengkapi dengan sahsiah yang unggul.

Sehubungan dengan itu, pihak universiti telah membentuk jawatankuasa mahasiswa di setiap kolej, kelab-kelab peringkat kolej dan universiti dengan matlamat mahasiswa akan menyertai dan mengembangkan bakat kepimpinan selain mempelajari sesuatu yang baru yang tidak dapat diperoleh melalui sesi pembelajaran di bilik kuliah mahupun nota kuliah universiti. Menerusi persatuan-persatuan ini, pelajar bukan sahaja dilatih untuk berpersatuan malah berpeluang untuk mendapat pendedahan tentang asas-asas kepimpinan, komunikasi serta pelbagai ilmu pengetahuan bagi melengkapkan diri.

Menerusi persatuan-persatuan ini juga, pelajar juga akan diterapkan ketahanan dari aspek mental, fizikal, sahsiah dan juga kerohanian di samping ciri-ciri seorang pemimpin yang ideal baik dari segi jasmani mahupun spiritual. Bagaimanapun, Sulaiman (1996), menyatakan untuk mendapatkan kecemerlangan akademik, setiap pelajar haruslah rajin mengulangkaji pelajaran. Manakala Ab. Fatah (1990) menyatakan bahawa masa belajar yang baik berbeza antara seorang dengan seorang. Noraini (1998), pula menyarankan salah satu cara terbaik untuk menganalisis pengurusan masa ialah dengan bertanya kepada diri sendiri tiga soalan berikut:

- Di manakah saya sepatutnya menghabiskan masa?

- Apakah faktur utama yang meletakkan diri saya dalam perangkap masa?
- Bagaimanakah saya dapat melerai atau melepaskan diri daripada perangkap masa?

2.0 Kaedah Kajian

Empat orang ahli Jawatankuasa Kolej Mahasiswa Kolej Tuanku Canselor (JKM KTC) dari Majlis Ekskutif dan Majlis Tertinggi telah dipilih untuk menjadi sampel kajian. Pemilihan dibuat berdasarkan pencapaian GPA mereka sebelum dan semasa menyertai JKM yang telah menunjukkan peningkatan yang menggalakkan dan melibatkan diri secara aktif dalam berpersatuan. Data-data diperolehi daripada keputusan semester sebelum dan semester selepas diperoses secara analisis dokumen. Maklumat-maklumat mengenai aktiviti-aktiviti yang pernah dilaksanakan, cara pembelajaran, dan penggunaan masa purata dalam seminggu diperolehi secara temubual.

3.0 Keputusan Kajian

MOHAMAD TAIB BIN MISKON

Kursus: 3 SEM

Jawatan dalam Persatuan:

1. Setiausaha Agung Jawatankuasa Kolej Mahasiswa KTC
2. Ahli Persatuan Mahasiswa Islam (PMI)
3. Fasilitator Kelab Remaja Ukuwah KTC (KRU)

Pencapaian Akademik

GPA Semester 1	:	3.61
GPA Semester 2	:	3.72
Peningkatan	:	0.11
Peratus Peningkatan	:	3.05%

Keputusan Terperinci

Keputusan Semester 1 (2004/2005)

SUBJECT	KREDIT	GRED
Elektronik Digit	3	B+
Asas Kejuruteraan Elektrik	3	A
Lukisan Kejuruteraan	3	A-
Kalkulus	2	A
Tamadin Islam Dan Tamadun Asia II	2	B+
English For Academic Communication	2	B+

GPA : 3.61

CPA : 3.61

Keputusan Semester 2 (2004/2005)

SUBJECT	KREDIT	GRED
Teknik Pengaturcaraan C	3	B+
Kawalan: Permodelan & Simulasi	3	A
Litar Elektronik	3	A-
Makmal Tahun 2	2	A
Kaedah Berangka	3	A-
Islam dan Isu-isu Semasa	2	A-
Asas Komunikasi	1	A-

GPA : 3.72

CPA : 3.57

Aktiviti yang pernah dilaksanakan

- i. Pengarah gerai basah dan setiausaha Gerai Sempena MHS2005
- ii. Setiausaha Astana the *new beginning*
- iii. Pengarah Program Annual General Meeting Kelab Remaja Ukuwah
- iv. Bendahari Kempen Akhlak Mulia PMI (13-28 FEB 2006)
- v. Setiausaha Kempen Berbudaya Endah(30 MAC 2006)
- vi. Fasilitator Kem Pemantapan Fasilitator Kelab Remaja Ukuwah(FEB 2006)
- vii. Iftar Mingguan PMI(SETIAP MINGGU)
- viii. Fasilitator/unit peralatan Kem Kepimpinan Pelajar, SMK Taman Pasir Putih(MAC 2006)
- ix. Ketua unit makanan/fasilitator Kem Kepimpinan Pengawas SMK Taman Permas Jaya 3 (JUN 2006)
- x. Peserta Khursus Pengurusan Jenazah(MAC 2006)
- xi. Peserta Seminar Al Quran Dan Sains
- xii. Peserta Seminar Islam Hadari

Cara pembelajaran :

- i. Tumpuan ketika kuliah
- ii. Nota lengkap
- iii. Buat banyak soalan tahun lepas.
- iv. Belajar dalam kumpulan

Penggunaan masa purata dalam seminggu

Purata Penggunaan: 3.65 jam/sehari

Minggu	Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu	Jumlah	Purata seminggu
1	3	5	11	2	6	0	9	36	5.14
2	7	0	0	0	5	11	10	33	4.71
3	0	0	0	2	4	3	8	17	2.43
4	10	0	0	5	0	0	16	31	4.43
5	8	2	0	2	7	3	2	24	3.43
6	3	7	1	5	5	3	5	29	4.14
7	7	2	1	5	5	3	5	28	4.00
8	4	3	0	3	9	8	9	36	5.14
9	7	4	2	1	0	3	11	28	4.00
10	8	0	0	0	4	5	0	17	2.43
11	6	2	0	2	1	0	0	11	1.57
12	3	0	0	0	5	3	6	17	2.43
JUMLAH								307	3.65

* Bilangan jam yang digunakan untuk aktiviti JKM, PMI dan KRU

AHMAD SUKRI BIN AHMAD**Kursus: 3 SEE****Jawatan dalam Persatuan:**

1. Exco Biro Dokumentasi dan Informasi Jawatankuasa Kolej Mahasiswa KTC 2004/05
2. Ketua Biro Dokumentasi dan Informasi Jawatankuasa Kolej Mahasiswa KTC 2005/06

Pencapaian Akademik

GPA Semester 1	:	3.10
GPA Semester 2	:	3.18
Peningkatan	:	0.08
Peratus Peningkatan	:	2.58%

Keputusan Terperinci

Keputusan Semester 1 (2004/2005)

SUBJECT	KREDIT	GRED
Teknik Pengaturcaraan C	3	B
Asas Kejuruteraan Elektrik	3	B
Bengkel Kejuruteraan Elektrik	3	HL
Kalkulus	2	B+
Tamadin Islam Dan Tamadun Asia II	2	B+
English For Academic Communication	2	B

GPA : 3.10
 CPA : 3.10

Keputusan Semester 2 (2004/2005)

SUBJECT	KREDIT	GRED
Kawalan: Permodelan & Simulasi	3	B
Litar Elektronik	3	A
Makmal Tahun 2	2	A-
Kaedah Berangka	3	B-
Islam dan Isu-isu Semasa	2	B-
Teori Medan Elektromagnet	3	B

GPA : 3.18
 CPA : 3.10

Aktiviti yang pernah dijalankan

- i. Ketua Unit Sijil dan Dokumentasi ASTANA 2005/2006
- ii. Program Induksi antara Biro.
- iii. Mengambil gambar program kolej

Cara Pembelajaran

- i. Belajar berkumpulan
- ii. Meluangkan masa pada hujung minggu untuk JKM KTC
- iii. Penumpuan semasa dalam kelas

Penggunaan masa untuk belajar dan aktiviti

- i. Bergantung kepada jumlah jam kredit yang diambil.
- ii. Mengulangkaji pada waktu malam.
- iii. Menjalankan aktiviti persatuan pada hujung minggu.

JASRUL JAMANI BIN JAMIAN

Kursus: 3 SEE

Jawatan dalam Persatuan:

1. Ketua Biro Akademik Jawatankuasa Kolej Mahasiswa KTC 2004/05 dan 2005/06

Pencapaian Akademik

GPA Semester 1	:	3.83
GPA Semester 2	:	3.91
Peningkatan	:	0.08
Peratus Peningkatan	:	2.09%

Keputusan Terperinci

Keputusan Semester 1 (2004/2005)

SUBJECT	KREDIT	GRED
Teknik Pengaturcaraan C	3	A-
Asas Kejuruteraan Elektrik	3	A
Bengkel Kejuruteraan Elektrik	3	HL
Kalkulus	2	A
Tamadun Islam Dan Tamadun Asia II	2	A-

English For Academic Communication	2	A-
------------------------------------	---	----

GPA : 3.83

CPA : 3.88

Keputusan Semester 2 (2004/2005)

SUBJECT	KREDIT	GRED
Teori Litar	3	A-
Instrumentasi & Pengukuran Elektrik	3	A
Elektronik Digit	2	B+
Persamaan Pembezaan	3	A
Tamadun Islam & Tamadun Asia	2	B+
Keusahawanan I	2	A

GPA : 3.91

CPA : 3.89

Aktiviti yang pernah dijalankan

- i. Pengarah Program Mentor-Mentee Kolej Tuanku Canselor
- ii. Pengarah Esurca II (English Survival Camp II)
- iii. Pengarah Program "Adikku Sayang" Khidmat Pendidikan

Cara Pembelajaran

- i. Tumpuan sepenuhnya di dalam kuliah
- ii. Belajar dalam kumpulan ketika minggu peperiksaan
- iii. Study Smart

Penggunaan masa untuk belajar dan aktiviti

- i. Selesaikan semua kerja JKM sebelum bermulanya hari kuliah
- ii. Lebih menumpukan kepada akademik pada tarikh yang berhampiran dengan minggu peperiksaan
- iii. Purata 3 jam belajar tidak termasuk waktu kuliah dan 2 jam beraktiviti

NORSYAZWANI BINTI AZMAN

Kursus: 2 SEP

Jawatan dalam Persatuan:

1. Setiausaha Biro Keusahawanan JKM KTC

Pencapaian Akademik

GPA Semester 1	:	3.44
GPA Semester 2	:	3.71
Peningkatan	:	0.27
Peratus Peningkatan	:	7.85%

Keputusan Terperinci

Keputusan Semester 1 (2004/2005)

SUBJECT	KREDIT	GRED
Teknik Pengaturcaraan C	3	A-
Asas Kejuruteraan Elektrik	3	B
Bengkel Kejuruteraan Elektrik	3	HL
Kalkulus	2	A
Hubungan Etnik	2	B+
English For Academic Communication	2	B+

GPA : 3.44

CPA : 3.44

Keputusan Semester 2 (2004/2005)

SUBJECT	KREDIT	GRED
Kawalan: Permodelan & Simulasi	3	A
Litar Elektronik	3	A

Makmal Tahun 2	2	A
Kaedah Berangka	3	A
Islam dan Isu-isu Semasa	2	B+
Teori Medan Elektromagnet	3	A

GPA : 3.71

CPA : 3.59

Aktiviti yang pernah dijalankan

- iv. Setiausaha Program Jualan Bunga di Pesta Konvokesyen
- v. Bendahari Program Malam Anugerah Kempasia
- vi. Setiausaha Program Jualan Gerai MHS

Cara Pembelajaran

- iv. Pembelajaran dilakukan setiap hari dengan menyiapkan tutorial dan tugas dengan sendiri
- v. Tidak mengamalkan pembelajaran last minit
- vi. Suka bertanya jika tidak faham
- vii. Menyiapkan semua kerja sebelum melakukan aktiviti luar
- viii. Memastikan semua subjek dipelajari faham

Penggunaan masa untuk belajar dan aktiviti

- iv. Memastikan pembelajaran dilakukan setiap hari
- v. Paling kurang 1 jam belajar selain waktu kuliah
- vi. Hari minggu lebih kepada aktiviti luar
- vii. Lebih menumpukan kepada akademik pada tarikh yang berhampiran dengan minggu peperiksaan

4.0 Ringkasan

BIL	NAMA	JAWATAN	KURSUS	Sem 1	Sem terkini	(+ / -)	%
1	JASRUL JAMANI B JAMIAN	KETUA BAKAD	3SEE	3.83	3.91	0.08	2.09%
2	AHMAD SUKRI BIN AHMAD	KETUA BDI	3SEE	3.10	3.18	0.08	2.58%
3	MOHAMAD TAIB BIN MISKON	S/U	3SEM	3.61	3.72	0.11	3.05%
4	NORSYAZWANI BINTI AZMAN	S/U BIKEONE	2SEP	3.44	3.71	0.27	7.85%

5.0 Kesimpulan

Sememangnya penglibatan dalam aktiviti berpersatuan bukanlah satu-satunya punca kemerosotan akademik pelajar. Data-data kajian telah menunjukkan bahawa walaupun pelajar tersebut begitu aktif dalam JKM, tetapi masih lagi mampu menunjukkan peningkatan yang mantap. Begitu juga dengan GPA/CPA mereka yang masih berada dalam kedudukan Kelas pertama dan Kelas Kedua Tinggi. Banyak faktor sebenarnya yang menyebabkan kemerosotan akademik pelajar. Antaranya, pengurusan masa yang tidak teratur, kaedah pembelajaran yang tidak sesuai, kurangnya motivasi diri, sikap malas, masalah cinta dan sebagainya.

Pelajar yang cemerlang akademik adalah pelajar yang pandai menguruskan masa, mempunyai motivasi diri yang tinggi serta kaedah pembelajaran yang betul. Pelajar yang cemerlang mestilah seimbang dari segi pencapaian akademik dan sahsiah diri.

Dengan berpersatuan, sifat kepimpinan pelajar dapat dipupuk. Malah, terdapat beberapa sifat pemimpin yang membezakan mereka daripada individu biasa. Antaranya ialah fizikal yang sihat dan bersemangat, personaliti yang meyakinkan, jujur dan amanah, keyakinan diri yang tinggi, kemampuan bersosial dan bekerjasama, berdiplomasi, bijak dan adil serta mahir dan mampu membuat keputusan dalam apa juar situasi.

Pelajar yang berpersatuan juga dilatih dari segi pengurusan, seperti pengurusan masa, perancangan strategik, kemahiran komunikasi dan sistem dokumentasi berkesan. Selain daripada itu, pelajar juga berpeluang mengikuti aktiviti aktiviti luaran yang menjana ke arah kepimpinan yang tidak lesu dan sentiasa cergas bertenaga.

Rujukan

1. Ab. Fatah Hassan (1990). Penggunaan minda yang optima dalam pembelajaran. Unit Penerbitan akademik UTM.
2. Noraini Ahmad (1988). Pengurusan Masa. Berita Publishing. Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
3. Quik Aik Sin (1998). Faktor Memepengaruhi Pembelajaran Perdagangan dan Keusahawanan bagi Pelajar Tingkatan dua. Tesis Sarjana Muda UTM Skudai, Johor.